

ELECTRONIC RECORDS MANAGEMENT AT THE GOVERNANCE AND ADMINISTRATION DIVISION, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

INTAN HAJARIAH SHAMSUDIN
UMI ASMA' MOKHTAR
MOHD SYAZWAN BAHARUDDIN

ABSTRACT

The increasing use of information and communication technology (ICT) in day-to-day management is increasingly significant because consumers think the technology can make work easier and thus able to improve the quality of work. However, most educational institutions in developed countries encounter records management problems although the administrative system has been improved. Electronic records management has not given priority by most universities either in terms of accessibility or records protection. The challenge of electronic records management in line with the rapid development of technology today is critical. It requires universities to adapt quickly so that records are managed and administered effectively, efficiently, and with integrity. This study was conducted to identify the level of internal awareness on the implementation of electronic records management and identify the weaknesses of electronic record management in the Governance and Administration Division (BGP), Universiti Kebangsaan Malaysia. This study uses survey research method through a questionnaire as a technique. A total of 19 respondents were involved in this study. The study found that the level of awareness on the implementation of electronic records is still at a moderate level. Among the weaknesses of record management are the lack of understanding of the concept of records and the importance of records, the difficulty of classifying existing records, the lack of complete infrastructure, and the records and information technology staff do not cooperate in succeeding and implementing electronic records management. The results of the study are expected to help public agencies, the BGP, especially in increasing efforts towards better electronic records management.

Keywords: electronic records, electronic records management, level of awareness, records management limitation factors.

PENGURUSAN REKOD ELEKTRONIK DI BAHAGIAN GOVERNAN DAN PENTADBIRAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ABSTRAK

Peningkatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengurusan seharian semakin ketara. Ini kerana, pengguna berpendapat bahawa teknologi dapat memudah kerja dan sekali gus mampu meningkatkan kualiti kerja. Namun begitu, kebanyakan institusi pengajian di negara maju berhadapan dengan masalah pengurusan rekod walaupun sistem pentadbiran telah ditambah baik. Pengurusan rekod elektronik masih tidak diberi penekanan oleh kebanyakan universiti sama ada dari segi kebolehcapaian ataupun perlindungan rekod yang dicipta. Cabaran pengurusan rekod elektronik selaras dengan perkembangan teknologi yang pesat pada masa kini adalah genting dan memerlukan universiti mengadaptasi perubahan dengan pantas supaya rekod diurus dan ditadbir secara berkesan, cekap, dan berintegriti. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti tahap kesedaran dalaman terhadap pelaksanaan pengurusan rekod elektronik dan mengenal pasti faktor kelemahan pengurusan rekod elektronik di Bahagian Governan dan Pentadbiran (BGP), Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan melalui teknik instrumen borang soal selidik. Seramai 19 responden terlibat dalam kajian ini. Kajian mendapati tahap kesedaran terhadap pelaksanaan rekod elektronik di BGP masih berada pada tahap sederhana. Antara faktor kelemahan pengurusan rekod adalah kerana tidak memahami konsep rekod dan kepentingan rekod, kesukaran untuk mengklasifikasikan rekod sedia ada, tidak ada infrastruktur yang lengkap, dan kakitangan rekod dan teknologi maklumat tidak bekerjasama dalam menjaya dan melaksana pengurusan rekod elektronik Hasil kajian diharap dapat membantu agensi

awam, pihak BGP terutamanya dalam meningkatkan usaha ke arah pengurusan rekod elektronik yang lebih cemerlang.

Kata kunci: Rekod elektronik, pengurusan rekod elektronik, tahap kesedaran, faktor kelemahan pengurusan rekod.

PENDAHULUAN

Evolusi pengurusan rekod berubah daripada rekod berasaskan kertas kepada rekod elektronik. Urusan pentadbiran di organisasi melibatkan rekod bertulis dan bercetak seperti minit mesyuarat, rekod kewangan dan surat menyurat. Peralihan telah berlaku kepada rekod elektronik seperti e-mel, faksimile, storan awan, cakera keras dan cakera padat. Rekod elektronik berperanan memudahkan aktiviti melakukan keputusan, merumuskan dasar serta menyokong aktiviti seharian (Mariam & Kamsuriah, 2015). Pengurusan rekod ialah aktiviti yang penting pada sesebuah organisasi. Menurut King (1997), kebanyakan transaksi perniagaan bergantung kepada proses mewujudkan dan menyelenggara maklumat berekod dengan betul.

Masalah tentang kelemahan pengurusan rekod elektronik di universiti dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Menurut Asogwa (2013) pengurusan rekod elektronik yang lemah di universiti adalah berpunca daripada kekurangan infrastruktur pengurusan rekod; perundangan dan rangka kerja organisasi yang lemah, dan kekurangan program pendidikan dan latihan bagi kakitangan turut menyumbang kepada isu ini. Selain itu juga, dana yang mencukupi serta strategi operasi yang berdaya maju penting bagi menjalankan sistem dan perkhidmatan automasi secara berterusan (Sani & Tiamiyu, 2005).

Di Malaysia, walaupun Arkib Negara Malaysia menyediakan rangka kerja merangkumi piawai, polisi dan garis panduan, namun aspek seperti tahap isu dan masalah rekod dan maklumat elektronik tidak diambil kira (Azlan et al., 2018). Sepanjang kajian tentang rekod elektronik di Malaysia, rata-rata keputusan menunjukkan penerapan masih belum mencapai tahap memuaskan. Terdapat pelbagai isu dan masalah yang dapat dikenal pasti antaranya, penerimaan, sikap, dan perilaku pengguna (Azlina et al., 2018), ketiadaan rangka kerja yang bersesuaian (Azlan et al., 2018), tidak ada sokongan daripada pihak atasan (Rusnah & Mohamad, 2012), rekod tidak diuruskan oleh profesional rekod yang berkelayakan, dan tiada kesedaran tentang pengurusan rekod elektronik serta kakitangan yang tidak peka dan tidak terlatih dalam pengurusan rekod (Raja & Roseline 2011).

Kertas ini terbahagi kepada lima (5) bahagian. Bahagian I membincangkan latar belakang kajian termasuk isu dan masalah pelaksanaan rekod elektronik. Bahagian II pula menyentuh kepentingan dan isu pengurusan rekod maklumat di universiti. Bahagian III menerangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian IV membenteng keputusan kajian dan perbincangan. Akhir sekali, bahagian V adalah kesimpulan bagi kajian yang dijalankan dan cadangan kajian lanjutan.

KAJIAN SUSASTERA

KEPENTINGAN PENGURUSAN REKOD DI UNIVERSITI

Rekod merupakan sebuah aset yang bernilai bagi sesebuah organisasi termasuklah universiti. Universiti merupakan institusi pengajian tinggi yang menguruskan pelbagai aktiviti dan program termasuklah sumber manusia, kursus dalam fakulti dan juga pengurusan aset universiti. Organisasi yang kompleks seperti universiti mempunyai jumlah maklumat yang banyak dan memerlukan sistem rekod yang sistematik berlandas kepada prinsip dan piawaian pengurusan rekod untuk menyimpan maklumat yang penting (Seniwoliba et al., 2017).

Kecekapan pengurusan rekod di sesebuah organisasi dapat diukur dengan kepantasan mengakses maklumat tersebut, memerlukan ruang dan penyelenggaraan yang minimum serta tidak disimpan dalam jangka masa yang panjang kecuali mempunyai nilai berterusan kepada kerajaan atau organisasi (Schellenberg dalam Azman 2009). Pengurusan rekod yang optimum dapat memudahkan aktiviti seharian di universiti. Ini dapat mengelakkan pengurusan daripada menghadapi masalah seperti kehilangan rekod, rekod yang tidak dapat dikesan, dan maklumat rekod yang tidak lengkap.

Kajian yang dijalankan di kolej dan universiti di Amerika Syarikat oleh Skemer dan Williams (1990) menunjukkan pengamal mempunyai sedikit atau tiada bimbingan langsung untuk berhadapan dengan cabaran baru rekod elektronik. Malahan, kajian yang dijalankan oleh Schina dan Wells (2002) menunjukkan hanya sedikit peningkatan yang ada dalam program pengurusan rekod di Amerika Syarikat sejak 1990. Ini membuktikan program pengurusan rekod di universiti masih lemah walaupun peredaran masa telah berlaku dan tidak ada penekanan terhadap kepentingan program tersebut oleh mana-mana pihak berwajib.

Rekod yang diurus dengan sistematik dapat membantu pengguna dalam mengakses maklumat dengan mudah. Ini dapat menjimatkan masa dan melancarkan aktiviti institusi berbanding dengan rekod yang tidak diurus dengan baik. Pendapat ini disokong oleh Musembe (2016) yang menyatakan rekod yang ditawan oleh setiap jabatan mahupun pejabat dalam universiti harus diurus dengan baik supaya dapat memudahkan pencarian maklumat serta rekod yang diinginkan dengan pantas.

Kajian mendapati meskipun sesebuah universiti mempunyai struktur tadbir urus yang baik, ia tidak semestinya mempunyai sistem penyimpanan rekod yang baik dan juga sebaliknya (Phiri & Tough, 2018). Oleh itu, kecemerlangan sesebuah institusi atau universiti dalam mentadbir urus tidak boleh dijadikan kayu ukur kepada tahap pengurusan rekod. Mereka turut mengeluarkan tiga garis panduan yang didapati dari Azman (2009) yang menyatakan tadbir urus yang baik tidak boleh disamakan dengan sistem penyimpanan rekod yang baik atau sebaliknya apabila:

1. Para kumpulan pengurus eksekutif turut mengambil tempat dalam penyimpanan rekod dan menyediakan keperluan seperti sumber kewangan dan sumber manusia.
2. Mengekalkan piawai etika.
3. Penyimpanan rekod diamalkan dalam proses perniagaan dan struktur tadbir urus.

ISU PENGURUSAN REKOD ELEKTRONIK

KEKURANGAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Mengikut kajian, pengurusan universiti memerlukan infrastruktur asas yang mantap bagi membolehkan pengurusan rekod elektronik dijalankan dengan berkesan (Asogwa, 2013). Kajian tersebut turut menyenarai infrastruktur asas yang diperlu bagi menjalankan pengurusan rekod elektronik yang berkesan seperti:

1. Bekalan kuasa yang mantap.
2. Sambungan Internet.
3. Rangkaian kawasan setempat bagi kerja dalaman.
4. Bangunan yang dilengkapi kemudahan canggih untuk menaikkan motivasi pekerja.
5. Ruang yang luas bagi menampung pekerja dan peralatan.

KETIADAAN ELEMEN POLISI

Menurut Harris (dalam Bigirimana et al. 2015) pengurusan rekod elektronik di universiti memerlukan sebuah kerangka yang terdiri daripada polisi, peraturan, dan prosedur supaya menjadi garis panduan. Polisi menjadi elemen yang penting dalam membentuk kerangka

yang ingin diwujudkan. Polisi merupakan satu rancangan atau tindakan yang dirancang mempengaruhi dan menentukan keputusan, tindakan, dan perkara-perkara lain; bertindak sebagai prinsip atau prosedur panduan (Barata & Cain 1999).

Menurut kenyataan Umi dan rakan-rakan (2009), elemen polisi dalam pengurusan rekod elektronik di sektor awam Malaysia masih berada pada tahap yang rendah walaupun penting kepada setiap organisasi untuk dilaksana. Hal ini harus diambil berat memandangkan penggunaan rekod elektronik di organisasi semakin meningkat saban hari. Skemer dan Williams (1990) turut menunjukkan salah satu sebab pengurusan rekod elektronik gagal dijalankan di organisasi adalah berpunca daripada polisi yang lemah. Ketiadaan polisi turut mempengaruhi akauntabiliti dan keberkesanan dalam melaksanakan pengurusan rekod elektronik pada sektor awam (Azlina et al., 2018; Nengomasha, 2009).

Keperluan elemen polisi di sesebuah organisasi amat kritikal bagi menjalankan aktiviti secara terancang. Ini disokong dengan kenyataan, perkara yang utama dalam menjalankan pengurusan rekod elektronik adalah membentuk satu polisi dan usaha sama daripada pihak organisasi bagi merealisasikannya (Rusnah 2001).

KEKURANGAN PROGRAM DAN LATIHAN

Keperluan pengetahuan dan asas yang cukup dalam menguruskan rekod elektronik memberi kesan kepada kelancaran dan kecekapan sesebuah organisasi berfungsi. Kakitangan berkaitan seharusnya mahir dalam selok-belok pengendalian rekod elektronik agar kesilapan dan ketidakcekapan dapat dielakkan. Aspek pendidikan dan latihan perlu dititik beratkan dalam pengurusan rekod elektronik agar dapat membantu proses dan aktiviti dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Mengikut kajian yang dijalankan, kakitangan yang terlibat secara langsung dengan pengurusan rekod elektronik tidak menjalani pendidikan dan latihan yang mencukupi (Rusnah & Mohamad 2011). Ini menunjukkan kelemahan dan kekurangan yang ada pada kakitangan yang terlibat akibat daripada tidak mempunyai pendidikan dan latihan yang mencukupi menyumbang kepada kekangan dalam pengurusan rekod elektronik di organisasi.

Egwunyenga (2009) melaporkan masalah dalam pengurusan rekod elektronik di universiti salah satunya berpunca daripada kekurangan latihan profesional kepada kakitangan yang terlibat. Kekurangan latihan yang sesuai kepada kakitangan di sektor awam Malaysia menunjukkan peratusan terbesar iaitu 72.4% kepada kegagalan dalam melaksanakan pengurusan rekod elektronik secara berjaya (Umi & Zawiyah, 2009).

Program pendidikan formal dalam pengurusan rekod elektronik perlu ditekankan supaya pengendalian rekod elektronik dapat dilakukan dengan betul. Di Malaysia, hanya dua buah universiti awam yang menawarkan pendidikan formal dalam pengurusan rekod, iaitu Universiti Teknologi Mara dan Universiti Kebangsaan Malaysia (Zawiyah, 2007). Seharusnya program pendidikan diperluaskan lagi memandangkan pengurusan rekod terutamanya elektronik yang semakin berkembang pesat di pelbagai organisasi. Usaha dalam memupuk pengurusan rekod elektronik harus dipertingkatkan lagi bagi bersaing dengan peredaran teknologi pada masa kini.

Bagi mengatasi isu ini, kakitangan seharusnya dilantik berdasarkan pendidikan formal yang diterima dan latihan secara berterusan perlu diberikan agar kekurangan yang terdapat di organisasi masing-masing dapat diatasi. Ifedili dan Agbaire (2011) mencadangkan setiap kakitangan universiti perlu menyertai seminar, persidangan atau bengkel bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam pengurusan rekod elektronik.

KURANG SOKONGAN DANA

Memastikan pengurusan rekod elektronik dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan memerlukan sumber kewangan yang besar. Keperluan ini termasuklah mempunyai

infrastruktur yang lengkap, jumlah kakitangan yang mencukupi dan pelaburan bagi memastikan kakitangan lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan rekod semasa.

Kekangan bagi menjalankan program pengurusan rekod elektronik di universiti berpangkal daripada kekurangan sumbangan dana daripada pihak atasan (Sani & Tiamiyu, 2005). Pihak bertanggungjawab memainkan peranan penting bagi menjayakan program pengurusan rekod elektronik di organisasi. Selain itu juga, masalah yang timbul dalam melaksanakan program pengurusan rekod di universiti bukan berpunca daripada kekurangan dana tetapi salah urus dana yang diberikan (Asogwa, 2013). Pihak atasan seharusnya menjalankan tugas dengan telus dan amanah supaya isu seperti penggelapan wang tidak wujud dan program pengurusan rekod elektronik di universiti dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

KETIADAAN PENGKELASAN REKOD

Dapatan kajian oleh Zawiyah dan Umi (2015) menunjukkan, terdapat kelemahan dalam model pengurusan rekod elektronik yang mana klasifikasi rekod tidak disertakan. Mereka turut menekankan kepentingan pengkelasan rekod bagi membantu dalam pengurusan rekod elektronik dalam mencapai kitar hayat rekod yang sempurna. Raas (1999) menyatakan tanpa pengkelasan rekod, organisasi akan berhadapan dengan kegagalan untuk mendapatkan kuasa pelupusan. Organisasi akan berhadapan dengan cabaran dalam membentuk program pelupusan jika tidak ada dasar yang jelas bagi pengenalan dan pengkelasan rekod (Roper, 1999). Jika pelupusan tidak dapat dilakukan, maka kitar hayat rekod itu tidak sempurna dan organisasi akan terbeban dengan jumlah rekod yang banyak dan aktiviti yang dijalankan menjadi tidak cekap.

REKA BENTUK KAJIAN

PERSAMPELAN DAN BORANG SOAL SELIDIK

Saiz populasi BGP adalah seramai 77 orang kakitangan yang terdiri daripada dua orang pegawai khidmat pelanggan yang bertugas sebagai operator, lima kakitangan teknikal, dan 51 kakitangan berjawatan pemandu yang tidak terlibat dalam pengurusan rekod. Secara keseluruhan hanya 19 orang kakitangan terlibat dan memandangkan skop kajian ini mempunyai saiz populasi yang kecil, maka keseluruhan populasi dijadikan sampel kajian.

Penyelidik memulakan kajian dengan menganalisis isu dan masalah pengurusan rekod elektronik pada kajian lepas. Banyak kajian terhadap pelaksanaan pengurusan rekod elektronik dijalankan di Majlis Kebangsaan Arkib di Cawangan Serantau Afrika Timur dan Selatan (ESARBICA) (Chigariro & Khumalo 2018). Faktor menyumbang kepada kegagalan melaksanakan pengurusan rekod elektronik di institusi dikenal pasti dan dibentangkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Faktor kritikal pelaksanaan pengurusan rekod elektronik

Faktor	Penulis	Mnjama & Wamukoya (2004)	Nengomasha (2009)	Kalusopa & Ngulube (2012)	Asogwa (2013)	Malanga & Chawinga (2017)
Tahap kesedaran rendah		✓			✓	
Tiada perundangan, polisi dan prosedur		✓	✓	✓	✓	✓
Dana tidak mencukupi		✓			✓	✓
Tidak ada jadual pengekalan dan pelupusan		✓	✓		✓	
Infrastruktur TMK tidak mencukupi		✓	✓	✓	✓	✓
Kurang kakitangan terlatih			✓		✓	✓
Tahap kesediaan rendah				✓	✓	✓

Menurut Sekaran dan Bougie (2016), dalam kaedah tinjauan, borang soal selidik merupakan instrumen yang popular diguna bagi mengumpul data. Pembangunan borang soal selidik kajian ini berdasarkan Alatan Kesediaan Rekod Elektronik (IRMT 2004). Borang soal selidik diedar kepada kakitangan BGP yang berkaitan. Kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif iaitu mengenal pasti tahap kesedaran terhadap pelaksanaan pengurusan rekod elektronik dan maklumat dan mengenal pasti faktor kelemahan pengurusan rekod di BGP. Borang ini dibahagi kepada tiga (3) bahagian seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Struktur soalan borang soal selidik

Bahagian	Deskripsi
Bahagian A: Latar Belakang Responden	Bahagian ini mengandungi lima soalan mengenai latar belakang responden iaitu jantina, umur, taraf pendidikan tertinggi serta bidang pengajian, tahun berkhidmat di BGP, dan jawatan berserta gred. Tujuan maklumat ini dikutip adalah untuk mendapat gambaran asas berkenaan responden.
Bahagian B: Kesedaran dalam mengenai pengurusan rekod elektronik	Soalan yang diajukan merangkumi topik kesedaran pengurusan rekod elektronik termasuk kesedaran individu dan pihak pengurusan tertinggi UKM, serta aktiviti tinjauan kepuasan pengguna terhadap pengurusan rekod elektronik. Walaupun polisi, prosedur, alatan, serta sumber adalah mencukupi, namun jika tiada kesedaran tentang kepentingan pengurusan rekod elektronik sama ada pada individu atau pengurusan tertinggi, program ini tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
Bahagian C: Faktor kelemahan pengurusan rekod elektronik	Bahagian ini merangkumi faktor kelemahan pengurusan rekod elektronik di BGP. Ini bagi mengenal pasti pendapat individu mengenai situasi semasa pengurusan rekod elektronik di BGP. Masalah yang dikenal pasti boleh diberikan perhatian dan pengurus kanan boleh mengambil tindakan sewajarnya supaya kelemahan dapat ditangani.

KAJIAN RINTIS

Kajian rintis dijalankan bagi memastikan terdapat nilai kebolehpercayaan dan kesahan pada borang kaji selidik yang dibina. Pada peringkat permulaan, kajian rintis dijalankan dengan merujuk borang soal selidik kepada penyelia dan semakan dilakukan bagi menambahbaik dan beberapa perubahan dilakukan supaya soalan yang diajukan kedengaran lebih tepat dan mudah difahami. Kemudian, borang soal selidik diedarkan kepada tiga orang kakitangan BGP bagi memastikan setiap item soalan mudah difahami termasuklah penggunaan perkataan yang lebih bersesuaian. Perkataan yang beraras tinggi sukar untuk difahami lalu boleh disalahertikan oleh responden. Ini boleh menyebabkan soalan disalah tafsir lalu jawapan yang diberikan tidak diberikan dengan tepat.

KAEDAH ANALISIS DATA

Setelah borang soal selidik diedarkan, proses menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian dijalankan menggunakan analisis deskriptif, analisis frekuensi, dan analisis median. Analisis deskriptif dijalankan bagi mendapatkan nilai frekuensi, ukuran kecenderungan memusat, dan taburan (Sekaran & Bougie 2016). Kajian ini mengadaptasi kaedah analisis frekuensi iaitu kekerapan data yang berlaku dikira dan dibentangkan dalam bentuk peratusan. Soalan bahagian A dan C pada borang soal selidik dinilai menggunakan kaedah ini.

Manakala, analisis median dilakukan pada bahagian B bagi mengetahui tahap kesedaran terhadap pengurusan rekod elektronik. Median diguna bagi mendapat nilai nombor di tengah seset nombor yang disusun mengikut tertib. Memandangkan jumlah populasi kajian adalah kecil, analisis median lebih sesuai diguna bagi mengukur tahap pematuhan responden. Skala dibahagikan masing-masing kepada lima tahap iaitu sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi dengan nilai 1.00, 2.00, 3.00, 4.00, dan 5.00.

KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Struktur perbincangan kertas ini dibahagi berdasar kepada objektif kajian iaitu (i) mengenal pasti tahap kesedaran terhadap pelaksanaan pengurusan rekod elektronik dan (ii) faktor kelemahan pengurusan rekod di BGP.

Hasil menunjukkan 52.6% responden adalah lelaki dan perempuan adalah 47.4%. Manakala 63.2% responden yang terlibat dengan pengurusan rekod mempunyai pendidikan pada tahap SPM, 21.1% responden yang mempunyai tahap pendidikan ijazah sarjana muda, diikuti dengan 10.5% pada tahap diploma dan 5.4% responden mempunyai ijazah sarjana. Ini menunjukkan hanya seorang responden yang berkelayakan secara formal dalam pengurusan rekod dan sebilangan besar responden hanya mempunyai tahap pengajian sekolah menengah tinggi tanpa pendidikan formal berkenaan pengurusan rekod.

A. *Objektif 1: Mengenal pasti tahap kesedaran dalaman mengenai pengurusan rekod elektronik (Soal Selidik Bahagian B)*

Analisis median dilakukan pada bahagian B seperti yang ditunjuk dalam Jadual 3. Pada soalan B1, hanya tiga tahap yang terlibat iaitu sederhana (36.8%), tinggi (52.6%), dan sangat tinggi (10.5%). Manakala soalan B2 mempunyai empat tahap terlibat iaitu sangat rendah (5.4%), sederhana (26.3%), tinggi (63.2%) dan sangat tinggi (5.35%). Masing-masing mencatat median 4.00 iaitu berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan pematuhan terhadap dasar dan polisi utama adalah pada tahap tinggi dan setiap individu menjalani aktiviti pengurusan rekod berdasarkan perintah daripada Arkib Negara Malaysia.

Bagi soalan B3 mempamer median bagi tahap pematuhan prosedur dan garis panduan media iaitu 4.00. Empat daripada lima tahap yang terlibat iaitu rendah (5.3%), sederhana (21.1%), tinggi (36.8%), dan sangat tinggi (5.3%). Item ini mempunyai enam nilai hilang (31.58%) iaitu hanya 13 daripada 19 maklum balas diperoleh. Nilai hilang ini dikategorikan sebagai hilang secara rawak (*Missing at Random*) yang mana tidak ada maklum balas diberikan kerana responden memilih opsyen tidak pada item sebelumnya iaitu terdapat prosedur dan garis panduan untuk kesemua jenis media seperti kertas, e-mel dan kandungan web. Ini juga menunjukkan hampir suku responden tidak mempunyai kesedaran mengenai kewujudan prosedur dan garis panduan pelbagai media yang diamalkan di BGP.

Bagi soalan B4 pula menunjukkan median dan tahap terhadap kepentingan BGP sebagai komponen penting dalam perancangan strategi UKM iaitu masing-masing 3.00 dan tahap sederhana. Kelima-lima tahap terlibat iaitu sangat rendah (15.8%), rendah (5.3%), sederhana (42.1%), tinggi (26.3%), dan sangat tinggi (10.5%). Terdapat komen daripada responden yang menyatakan pihak pengurusan tertinggi tidak menganggap pengurusan rekod sebagai elemen penting dalam perancangan strategi universiti.


JADUAL 3. Tahap kesedaran terhadap pengurusan rekod elektronik berdasarkan nilai median.

Bil	Kriteria	Median	Tahap
B1	Pematuhan terhadap Dasar Pengurusan Rekod Awam	4.00	Tinggi
B2	Pematuhan terhadap polisi dalaman ketika menguruskan rekod	4.00	Tinggi
B3	Pematuhan terhadap prosedur dan garis panduan media	4.00	Tinggi
B4	Kepentingan BGP sebagai komponen penting dalam perancangan strategi UKM	3.00	Sederhana

B. *Objektif 2: Mengenal pasti faktor kelemahan pelaksanaan pengurusan rekod elektronik di BGP (Soal Selidik Bahagian C)*

Bahagian C merupakan pendapat responden terhadap faktor penyumbang kepada kelemahan pelaksanaan pengurusan rekod elektronik di BGP. Rajah 1 menunjukkan lebih separuh

responden berpendapat antara penyebab pengurusan rekod elektronik di BGP masih lemah adalah kerana BGP tidak mendapat peruntukan khas bagi memulakan pelaksanaan rekod elektronik (74%), dan kakitangan tidak mempunyai latihan yang mencukupi bagi menguruskan rekod elektronik (63%). Diikuti dengan bilangan responden yang sama (47%) dengan sebab pelaksanaan pengurusan rekod elektronik tidak diberi prioriti oleh pihak atasan, dan kesedaran yang kurang tentang pengurusan rekod elektronik. Selain itu, faktor penyumbang kepada kelemahan pengurusan rekod elektronik di BGP adalah tidak faham rekod dan kepentingan rekod (37%), kesukaran untuk mengklasifikasikan rekod sedia ada dan tiada infrastruktur yang lengkap (26%), dan terakhir, kakitangan rekod dan teknologi maklumat tidak bekerjasama dalam menjaya dan melaksana pengurusan rekod elektronik. Tambahan pula, ada responden yang menyatakan sebab lain yang mempengaruhi pengurusan rekod elektronik yang lemah di BGP kerana pengurusan tertinggi tidak mengambil berat tentang pengurusan rekod dan maklumat.



RAJAH 1. Faktor kelemahan pengurusan rekod elektronik di BGP

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian mendapati tahap kesedaran terhadap kepentingan BGP sebagai komponen penting dalam strategi UKM adalah sederhana. Hasil kajian mendapati tahap kesediaan BGP dalam mengurus rekod elektronik juga berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan, BGP mempunyai kesedaran dalam melaksana program pengurusan rekod elektronik. Namun begitu, usaha perlu ditingkatkan bagi mencapai kesediaan pada tahap tinggi seterusnya mencapai risiko kesediaan rekod elektronik pada tahap rendah. Antara isu yang perlu diambil perhatian adalah menyediakan polisi dalaman yang merangkumi setiap media termasuk kertas dan elektronik, melaksana penggunaan sistem pengurusan rekod dan maklumat supaya komponen seperti proses aliran kerja, format fail, metadata, dan platform penyimpanan dapat diterapkan ketika mengurus rekod elektronik. Kajian turut mendapati pihak pengurusan tertinggi UKM kurang memberi perhatian tentang kepentingan pengurusan rekod dan maklumat sebagai pelan strategik universiti.

Melalui sorotan kajian susastera yang dijalankan, kajian mengenal pasti beberapa faktor umum terhadap kelemahan pengurusan rekod iaitu tahap kesedaran rendah, tidak ada perundangan, polisi dan prosedur, dana tidak mencukupi, tidak ada jadual pengekalan dan pelupusan, infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi yang tidak mencukupi, kurang

kakitangan terlatih, dan tahap kesediaan rendah. Antara faktor penyumbang terbesar kepada kelemahan pengurusan rekod elektronik di BGP adalah tidak mendapat peruntukan yang mencukupi untuk melaksana program pengurusan rekod elektronik secara menyeluruh, dan kakitangan tidak mendapat latihan pengurusan rekod elektronik yang mencukupi. Peruntukan yang tidak mencukupi akan mempengaruhi inisiatif seperti menyediakan peralatan, produk serta teknologi bagi memudahkan pengurusan rekod elektronik. Manakala kakitangan yang kurang latihan untuk mengendali rekod elektronik dengan betul mempengaruhi aktiviti dan keputusan rekod diurus.

Kajian lanjut boleh dijalankan pada skop yang lebih besar sama ada pada peringkat universiti, setiap agensi kerajaan, mahupun agensi swasta seluruh Malaysia dapat menggambarkan tahap kesediaan Malaysia dalam menyokong inisiatif kerajaan elektronik. Selain itu juga, prosedur pengumpulan maklumat boleh ditambah baik dengan menjalankan kaedah pemerhatian dan temu bual pihak pengurusan rekod supaya gambaran menyeluruh dan data yang diperolehi lebih tepat dan mempunyai nilai kesahan yang tinggi.

PENGHARGAAN

Kajian ini disokong oleh geran Universiti Kebangsaan Malaysia (DCP-2017-013/6).

RUJUKAN

- Asogwa, B. E. 2013. The readiness of universities in managing electronic records: A study of three federal universities in Nigeria. *The Electronic Library* 31(6): 792–807. doi:10.1108/EL-04-2012-0037.
- Azlan Long Abdullah, Zawiyah M. Yusof, Kamsuriah Ahmad & Umi Asma' Mokhtar. 2018. The Building Blocks of Electronic Records and Information Management Framework for Malaysia Public Agencies: Contexts and Approaches. *Journal of Fundamental and Applied Sciences* 10(3S): 738–753.
- Azlina A. Aziz, Zawiyah M. Yusof, Umi A. Mokhtar & Dian I. Jambari. 2018. A Conceptual Model for Electronic Document and Records Management System Adoption in Malaysian Public Sector. *International Journal on Advanced Science Engineering Information Technology* 8(4): 1191–1197.
- Azman Mat Isa. 2009. *Records Management and the Accountability of Governance*. University of Glasgow.
- Bigirimana, S., Jagero, N. & Chizema, P. 2015. An Assessment of the Effectiveness of Electronic Records Management at Africa University, Mutare, Zimbabwe. *British Journal of Economics, Management & Trade* 10(1): 1–10.
- Chigariro, D. & Khumalo, N. B. 2018. Electronic records management research in ESARBICA: a bibliometric study. *Records Management Journal* 28(2): 159–174.
- IRMT. 2004. e-Records Readiness Tool. <https://www.irmt.org/portfolio/e-records-readiness-assessment-2005> [21 January 2018].
- Kalusopa, T. & Ngulube, P. 2012. Developing an e-records readiness framework for labour organizations in Botswana. *Information Development* 28(3): 199–215.
- King, L. A. 1997. Are you managing your vinyl effectively? *Management Decision* 35(9): 656–659. doi:10.1108/00251749710186487.
- Kitchel, T. & Ball, A. 2014. Quantitative Theoretical and Conceptual Framework Use in Agricultural Education Research. *Journal of Agricultural Education* 55(1): 186–199. doi:10.5032/jae.2014.01186.
- Mariam Afshar & Kamsuriah Ahmad. 2015. A New Hybrid Model for Electronic Record Management. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology* 81(3): 489–495.
- Nengomasha, C. T. 2009. Managing Public Sector Records in Namibia: a proposed model. *Information Development* 25(2): 112–126.
- Phiri, M. J. & Tough, A. G. 2018. Managing university records in the world of governance. *Records*

- Management Journal* 28(1): 47–61. doi:10.1108/RMJ-11-2016-0042.
- Raas, U. 1999. Electronic recordkeeping – more than electronic document management. *Records Management Journal* 9(2): 117–129. doi:10.1108/09565690910937218.
- Raja Abdullah Yaacob & Roseline Mapong Sabai. 2011. Electronic Records Management in Malaysia: A Case Study in One Government Agency. *Asia Pacific Conference Library & Information Education & Practice*, hlm. 420–433.
- Roper, M. (Ed.). 1999. Managing Public Sector Records: A Study Programme. IRMT.
- Rusnah Johare. 2001. Electronic records management in Malaysia: the need for an organisational and legal framework. *Records Management Journal* 11(2): 97– 109. doi:10.1108/EL-01-2014-0022
- Rusnah Johare & Mohamad Noorman Masrek. 2012. Electronic Records Management: The Development of A Model of Education and Training for Record Keepers. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 6(9): 38–44.
- Sani, A. & Tihamiyu, M. 2005. Evaluation of automated services in Nigerian universities. *The Electronic Library* 23(3): 274–288. doi:10.1108/02640470510603679.
- Schina, B. & Wells, G. 2002. University Archives and Records Programs in the United States and Canada. *Archival Issues* 27(1): 35–51.
- Sekaran, U. & Bougie, R. 2016. Research Methods for Business, hlm. 7th Edisi . West Sussex: John Wiley & Sons.
- Seniwoliba, A. J., Mahama, A. V. & Abilla, B. J. 2017. Challenges of Records Management in Higher Education in Ghana : The Case of University for Development Studies. *International Journal of Educational Policy Research and Review* 4(3): 29–41.
- Skemer, D. & Williams, G. 1990. Managing the Records of Higher Education: The State of Records Management in American Colleges and Universities. *The American Archivist* 53(4): 532–547. doi:10.17723/aarc.53.4.x50632186v6j2775.
- Umi Asma' Mokhtar & Zawiyah Mohammad Yusof. 2009. Electronic records management in the Malaysian public sector: the existence of policy. *Records Management Journal* 19(3): 231–244. doi:10.1108/09565690910999201.
- Umi Asma' Mokhtar, Junaidah Mohamed Kassim, Zuraidah Abdullah & Zawiyah Mohammad Yusof. 2009. Pengurusan Rekod Elektronik Dalam Sektor Awam Di Malaysia: Satu Pengintegrasian Elemen Polisi. *Simposium Kebudayaan Indonesia Malaysia Ke- 11 (SKIM XI)*.
- Zawiyah M. Yusof & Umi Asma' Mokhtar. 2015. Records and Information Management : The Requirement for Functional Classification. *Open Journal of Social Sciences* 3: 215–218.

Intan Hajariah Shamsudin

Umi Asma' Mokhtar

Mohd Syazwan Baharuddin

Pusat Kajian Keselamatan Siber

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

Universiti Kebangsaan Malaysia

hajariah.sham@gmail.com, umimokhtar@ukm.edu.my, syazwan@ukm.edu.my